

Newspaper	BERITA HARIAN
Date	10/01/2018

Tun Mahathir bakal ulangi kesilapan: TPM

BH-10/1/2018
Pg. 4

➔ Resolusi pembangkang beri peluang bekas PM rosakkan negara

Oleh Mohd Anwar Patho Rohman
wananwar@bh.com.my

✦ Kuala Lumpur

Resolusi pakatan pembangkang untuk melantik Tun Dr Mahathir Mohamad sebagai Perdana Menteri jika memenangi Pilihan Raya Umum Ke-14 (PRU-14) boleh menjurus negara kepada kerosakan, kata Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi.

Timbalan Perdana Menteri secara menyindir menyifatkan resolusi itu sebagai 'tepat' kerana pembangkang akan memberi pe-

luang kepada 'tokoh' berkenaan mengulangi kesilapan yang pernah dilakukannya selama 22 tahun berkuasa.

Resolusi 'tepat'

"Resolusi dibuat pakatan pembangkang dalam perhimpunan mereka adalah resolusi yang tepat, cukup baik dan kena pada tempatnya.

"Tokoh itu (Dr Mahathir) adalah tokoh yang cukup berjasa kepada negara selama 22 tahun dan insya-Allah jika beliau diberikan tempatnya semula, kesalahan dulu akan diulang semula oleh beliau.

"Itu adalah satu kitar semula

yang memang sedang ditunggu-tunggu rakyat untuk melihat tidak ada tokoh lain lebih layak dalam pakatan pembangkang selain daripada tokoh yang cukup berjasa kepada negara itu untuk terus melakukan kerosakan dan kebejatan kepada negara," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas merasmikan Konvensyen Pendidikan Pencegahan Jenayah Peringkat Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya 2018 bertema Pemangkin Generasi Bebas Jenayah anjuran Kelab Pencegahan Jenayah Malaysia (MCPF) Kuala Lumpur di sini, semalam.



Ahmad Zahid bersama Siew Mun (dua dari kiri), Kamalanathan (tiga dari kanan), Mazlan (dua dari kanan) dan Lam Thye (kanan) merasmikan Konvensyen Pendidikan Pencegahan Jenayah di Kuala Lumpur, semalam.



Tokoh itu (Dr Mahathir) adalah tokoh yang cukup berjasa kepada negara selama 22 tahun dan insya-Allah jika beliau diberikan tempatnya semula, kesalahan dulu akan diulang semula oleh beliau"

Ahmad Zahid Hamidi,
Timbalan Perdana Menteri

Yang turut hadir, Timbalan Menteri Pendidikan, Datuk P Kamalanathan; Naib Presiden Kanan MCPF, Tan Sri Lee Lam Thye; Pengerusi Jawatankuasa Induk konvensyen, Bok Siew Mun dan Ketua Polis Kuala Lumpur, Datuk Mazlan Lazim.

Ahmad Zahid mengulas resolusi konvensyen pembangkang Ahad lalu yang bersetuju melantik Dr Mahathir yang juga Pengerusi Parti Pribumi Bersatu Malaysia (PPBM) sebagai Perdana Menteri dan Presiden PKR, Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail sebagai Timbalan Perdana Menteri jika pembangkang memenangi PRU-14.